



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

17 April 2015 / 27 Jamadilakhir 1436

Memahami Hikmah Dalam Pengamalan Agama

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنِّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ حُدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَ مَصْبَاحُ الظَّلَامِ، اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عِلَانِيَتَكُمْ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar ketakwaan. Berpegang teguhlah kepada tali Allah s.w.t., dan marilah kita saling kasih mengasihi sesama manusia, semoga kita tergolong di kalangan mereka yang beriman dan berhikmah.

Saudaraku,

Sepanjang perjalanan hidup Baginda Rasulullah s.a.w., satu ciri yang tidak lekang darinya ialah keperibadiannya yang penuh dengan hikmah. Di saat Baginda mengamalkan agama, mengajar orang lain serta mengajak mereka kepada kehidupan beragama melalui nasihat yang diberi, segalanya dilakukan oleh Baginda dengan penuh hikmah.

Pernah satu ketika Baginda didatangi oleh seorang pemuda yang meminta izin daripada Rasulullah untuk melakukan zina. Rasulullah memanggilnya untuk duduk berdekatan dengannya kemudian berkata kepada pemuda itu: *“Adakah kamu suka ia (perbuatan zina) terjadi kepada ibumu?”* Pemuda itu pun menjawab: *“Demi Allah, tidak! Aku lebih sanggup Allah jadikan aku tebusan (kematianku) bagimu”*. Rasulullah s.a.w. kemudian berkata: *“(Begitulah juga) orang ramai tidak suka hal itu terjadi kepada ibu-ibu mereka.”* Rasulullah s.a.w. kemudian mengajukan persoalan yang sama kepadanya berkaitan anak perempuannya, saudara perempuan dan makciknya. Pemuda tersebut memberikan jawapan yang sama, yakni beliau tidak redha perbuatan berzina itu berlaku terhadap mana-mana saudara perempuannya. Setelah itu Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya ke atas pemuda tersebut lalu berkata: *“Ya Allah ampunkanlah dosanya, sucikanlah hatinya (dari memikirkan sesuatu maksiat), dan perihalah dia daripada melakukan zina.”* [Hadith riwayat Imam Ahmad]

Saudaraku yang saya hormati,

Lihatlah bagaimana terbukanya Rasulullah s.a.w. dalam membincang serta menasihati pemuda tersebut dalam perkara yang diajukan tersebut. Baginda tidak berpaling muka darinya, menghalaunya atau memarahinya. Bukan juga dengan mencercanya. Malah Baginda menasihati dengan baik. Baginda mengajaknya memikirkan kesan serta perasaannya jika ia berlaku kepada saudaranya. Intipati teguran dan peringatan itu akhirnya dapat disampaikan dan diterima dengan berkesan.

Dari kisah ini, kita meraih satu pengajaran penting, iaitu: Dalam kita memberikan nasihat, perlu kita sampaikan dengan cara yang sesuai dan bijaksana. Jangan hanya kerana kelemahan kita yang kurang bijaksana dan berhikmah, mesej baik yang ditujukan tidak sampai malah mengeruhkan lagi keadaan. Oleh itu Allah s.w.t. berfirman dalam Surah an-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَهُم
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Yang bermaksud: *“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan*

Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.”

Begitulah Rasulullah s.a.w. dididik oleh Allah s.w.t. dalam berdakwah dan mengajak kepada kebaikan dengan berhikmah. Para Sahabat r.a. mencontohi pekerti Rasulullah s.a.w. dalam memberi pengajaran agama kepada umat. Oleh itu, para Sahabat menekankan bahawa berhikmah dalam mendidik dan mengajar adalah sangat penting. Diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa Ibn Mas'ud r.a. berkata:

مَا أَنْتَ بِمُحَدِّثٍ قَوْمًا حَدِيثًا لَا تَبْلُغُهُ عُقُولُهُمْ ؛ إِلَّا كَانَ لِبَعْضِهِمْ فِتْنَةٌ

Yang bermaksud: *“Janganlah kamu berbicara tentang suatu perkara bersama sesuatu kaum, yang mana tidak akan tercapai akal pemikiran mereka (untuk memahaminya). Kerana ia akan menjadi fitnah bagi sebahagian daripada mereka.”*

Inilah antara intipati pengertian hikmah. Iaitu ia adalah maklumat atau ilmu yang seharusnya menatijahkan kebaikan dan bukan keburukan, fitnah mahupun kerosakkan.

Contohnya, apabila kita mempelajari tauhid, tujuannya adalah untuk membantu kita merasa lebih dekat kepada Allah dan lebih yakin akan kewujudanNya. Namun adalah bukan daripada hikmah apabila setelah kita mempelajari tauhid dengan pendekatan ulama yang berbeza kita akhirnya menjadikannya

sebagai bahan untuk membuktikan kita ini adalah lebih baik dan lebih tulus keimanannya daripada orang lain.

Lebih buruk lagi jika ada di kalangan guru yang mengajar tentang tauhid dan aqidah tetapi hanya mengajar muridnya agar mengkafirkan orang lain mahupun mensyirikkan muslim yang lain. Makna tauhid secara literal adalah menyatukan maka seharusnya ilmu ini membantu kita untuk bersatu dalam menyembah Tuhan yang Esa dan bukan sebaliknya. Jika kita mendapati guru mahupun teman seperti demikian maka tinggalkanlah mereka sejenak dan carilah guru dan teman yang membantu kita menjadi lebih baik. Ingatlah pesanan Nabi s.a.w. *“Bacalah [& pelajarilah] Al-Quran selagimana hati-hati kamu bersatu di atasnya, akan tetapi apabila kamu mula berselisih tentangnya maka tinggalkanlah [membacanya seketika].”* [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari, Imam Muslim & Ahmad]

Saudara, jika kita perhatikan hadith tentang hikmah Nabi s.a.w. yang disebutkan awal tadi, kita akan mendapati Nabi s.a.w. ketika ditanya tentang niat pemuda untuk berzina, Nabi s.a.w. tidak terus memberikan hukum ia haram. Bahkan respon Nabi s.a.w. telah diolah untuk membuat individu tersebut akhirnya membatalkan niatnya untuk melakukan maksiat itu.

Ini merupakan satu lagi bentuk hikmah yang penting untuk kita pertimbangkan. Iaitu di dalam mengundang manusia kepada kebaikan ia bukan hanya tentang hukum boleh ataupun tidak.

Sebagai contoh, Sheikh Muhammad Ghazali, seorang ulama Mesir, pernah ditanya adakah orang yang meninggalkan solat itu dikira terkeluar daripada Islam atau tidak? Beliau ketika itu tidak mahu menjawab soalan hukum itu. Mengapa saudara? Alasan beliau adalah daripada kita hanya membincangkan khilaf ulama yang semestinya tidak ada akhirnya, kita perlu memberikan tumpuan kepada soalan yang lebih mendasar. Iaitu, bagaimanakah kita boleh memastikan orang yang belum ingin solat untuk mahu menunaikan solat?

Kita juga mendapati kini, masih lagi ada orang yang membincangkan tentang sama ada hukum merokok itu adalah haram ataupun tidak, dengan alasan agar dapat disampaikan kepada temannya yang merokok. Namun saudara, seharusnya kita perlu menjangkau persoalan hukum itu untuk bertanya, apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil agar dapat membantu teman kita meninggalkan tabiat tersebut.

Saudara, inilah antara pengertian hikmah. Ia seharusnya membawa kita kepada kesedaran agama yang lebih mendalam dan luas. Hikmah merupakan kunci yang dengannya kita dapat berusaha dengan izin Allah untuk membuka pintu hati keluarga dan teman kita agar lebih cenderung kepada kebaikan agar lebih cinta kepada ajaran Allah dan RasulNya.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita Taufiq serta inayah untuk mencontohi Nabi s.a.w. serta semoga kita

digolongkan dari kalangan mereka yang dikurniakan ilmu serta hikmah. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.